

## Pertemuan dua hala FTek - LJM bincang teknologi kejuruteraan



Kelana Jaya (Selangor), 29 Februari - Program teknologi kejuruteraan di Malaysia masih dianggap baharu dan kini ianya mula ditawarkan di beberapa universiti teknikal termasuk Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerusi Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTek). Pembentukan kurikulum program direka menggunakan prinsip-prinsip sains dan kejuruteraan bakal memenuhi keperluan negara terutamanya dalam menyelesaikan masalah industri.

Dalam menjalinkan hubungan baik dan mendapatkan perkembangan mengenai bidang berkaitan, baru-baru ini staf UMP yang diketuai dekan, Profesor Dato' Dr. Zularisam Ab Wahid dari FTek berkunjung ke dengan Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) bagi membincang hala tuju bidang teknologi kejuruteraan.

Turut sama hadir Timbalan Dekan (Akademik & Hal Ehwal Pelajar), Profesor Madya Ir Adnan Zulkiple, Ketua Program Pengurusan Infrastruktur, Dr. Andri Kusbiantoro, Ketua Program Elektrikal, Dr. Yasir Hashim Naif, Ketua Program Farmaseutikal, Dr. Raihana Zahirah Edros, Ketua Teknikal, Syahrulnaim Mohamad Nawi dan Penyelaras Program Elektrikal GMI, Mohd Nazrin Mohd Yassin.



Manakala pihak LJM diwakili Pengerusi Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC) Malaysia, Profesor Dato' Ir Hassan Basri dan Pengarah Jabatan Akreditasi Kejuruteraan (EAD), Profesor Dato' Ir Dr. Wan Hamidon Wan Badaruzzaman.

Menurut Profesor Dato' Ir Hassan, bidang ini telah dirangkumkan bersama dalam pindaan kepada Akta Jurutera yang mana LJM juga sedang dalam fasa peralihan bagi persediaan dalam menguruskan akreditasi bagi program-program

teknologi kejuruteraan.

"Dalam fasa peralihan ini LJM akan berkerjasama rapat dengan pihak Malaysia Qualification Agency (MQA) bagi pengurusan akreditasi program-program teknologi kejuruteraan yang telah ditawarkan sebelum penubuhan Engineering Technology Council (ETAC) dan pindaan kepada akta Jurutera ini," katanya dalam menyampaikan taklimat.



Manakala bagi Profesor Dato' Ir Dr. Wan Hamidon pula menerangkan serba sedikit berkenaan perbezaan di antara bidang kejuruteraan dan teknologi kejuruteraan serta badan akreditasi yang melihat terhadap kualiti pelaksanaan program teknologi kejuruteraan yang ditawarkan di Malaysia.

Baginya amat penting bagi panel penilai yang dilantik mengetahui dan mendalami perbezaan ini. Justeru, dalam tempoh peralihan ini pihak LJM bekerjasama rapat dengan MQA dan membuat analisis perbezaan diantara dapatan bagi kedua-duanya. Selain itu katanya, pihak universiti perlu bersedia dari sekarang kerana program-program diploma kejuruteraan atau teknologi kejuruteraan juga akan dinilai di bawah ETAC.

Sementara itu, Profesor Dato' Dr. Zularisam mengharapkan agar pensyarah dan pelajar dapat benar-benar memahami bidang teknologi kejuruteraan ini terutamanya dalam menggunakan pendekatan yang bersesuaian bagi pengajaran dan pembelajaran. Dengan tertubuhnya ETAC ini pastinya dapat mengurangkan jurang serta memberikan pemahaman sebenar kepada yang terlibat dalam kedua-dua bidang ini.

**Disediakan oleh Emma Melati Burhanuddin, Penolong Pendaftar Kanan FTeK dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat PNC**

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 02-03-2016, 16:29:04